



# **Kontroversi penukaran agama unilateral: Pembingkaihan berita The Star dan Malaysiakini**

Muhammad Raqib Mohd Sofian<sup>a\*</sup>, Nurul Amalia Mohd Azmi<sup>b</sup>

<sup>a</sup> *Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Islam Sains Malaysia*

<sup>b</sup> *School of Communication, Universiti Sains Malaysia*

\*Corresponding author

## **Abstrak**

Negara Malaysia ialah sebuah negara yang terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Hal ini menyebabkan negara tidak pernah lari daripada isu-isu konflik yang melibatkan kaum dan agama. Konflik yang berlaku ini semakin meruncing dengan adanya media massa yang turut memainkan peranan dalam melaporkan dan membingkaikan sesuatu isu itu. Portal berita yang semakin banyak digunakan di Malaysia menambah lagi wacana yang berlaku di portal berita. Masyarakat kini lebih banyak menggunakan portal berita memandangkan ia lebih cepat dan mudah untuk diakses. Sangat signifikan untuk dilakukan kajian tentang cara portal berita arus perdana dan alternatif membingkai sesuatu isu yang melibatkan kaum dan agama memandangkan ia melibatkan isu sensitif lebih-lebih lagi di sebuah negara yang majoritinya Islam. Oleh itu, kajian ini menumpukan cara dua portal berita berbahasa Inggeris di Malaysia iaitu The Star Online dan Malaysiakini melaporkan dan membingkai isu penukaran agama unilateral anak-anak kepada Loh Siew Hong yang rancak dibincangkan di media Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan kualitatif dan kuantitatif terhadap artikel berita yang dikumpul selama sebulan, kajian ini mendapati portal berita The Star Online dan Malaysiakini membingkai isu ini dengan menggunakan bingkai minat manusia dan konflik dengan lebih dominan. Walaupun kedua-dua portal berita ini menggunakan bingkai yang sama, namun cara pelaporan kedua-dua portal berita berlainan dan terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi pelaporan ini telah dibincangkan dalam kajian ini.

## **Keywords**

*Pembingkaihan berita, portal berita, penukaran agama, unilateral, media Malaysia*

---

## **Pengenalan**

Media merupakan organisasi yang menyalurkan maklumat dan dilihat mampu memberi pengaruh kepada masyarakat. Pengaruh ini dilihat apabila maklumat tersebut mampu menguasai minda masyarakat, memberi kefahaman dan membentuk idea tentang sebarang kejadian atau fenomena yang berlaku di dunia selain boleh menjadi faktor kepada penyebaran fitnah dan berita palsu (Kasim, Ismail & Wahab, 2018; Sahad, Abdullah & Abdullah, 2013). Dunia kini, internet dan media sosial berperanan untuk membawa pelbagai jenis berita kepada masyarakat dalam masa singkat dan agen perubahan kepada orang ramai (Mustaffa, Sannusi, Hasan, Zuwairi & Saad,

2017).

Hal ini menunjukkan kandungan media massa terutamanya di medium internet mampu mencorak perhubungan masyarakat antara berbilang kaum dan agama seperti di Malaysia. Kandungan dan tajuk utama berita boleh mempengaruhi pendedahan dan interpretasi dalam kalangan masyarakat. Elemen-elemen yang menyentuh emosi dan rasional ini akan menyebabkan masyarakat memberi tindak balas terhadap pelaporan tersebut. Hal ini secara tidak langsung mewujudkan interpretasi berbeza daripada kandungan tersebut dan menyebabkan masyarakat membuat kesimpulan (Sofian & Hussein, 2014). Bahasa yang digunakan oleh media seringkali dianggap menjadi alat untuk mempengaruhi masyarakat melalui mesej yang disampaikan. Bahasa juga ialah elemen yang digunakan secara terang-terangan atau tersirat untuk menguatkan dan memanipulasi mesej yang ingin disampaikan (Sofian & Hussein, 2018). Bahasa, pilihan perkataan dan pembinaan ayat dalam pelaporan isu-isu sensitif perlu dilakukan secara berhati-hati dan sangat penting supaya tidak mengganggu keharmonian agama di negara ini (Mohamad, Ab Rashid, Yunus, Rahman, Darus, Musa & Teh, 2017).

Apatah lagi apabila membincangkan mengenai isu-isu yang melibatkan agama Islam. Menurut Hassan, Latiff dan Abdullahi (2020), perkataan yang digunakan secara salah atau berat sebelah akan menyebabkan stigma yang negatif dalam kalangan masyarakat seperti mengaitkan Islam dengan keganasan dan sikap tidak bertoleransi. Kandungan media yang menggunakan ungkapan negatif juga akan menimbulkan persepsi buruk terhadap umat Islam (Muhammad Raqib & Qasem, 2020). Faktor utama berlakunya pemaparan negatif terhadap Islam adalah kerana pilihan perkataan yang menggambarkan orang Islam dengan konotasi yang tidak baik (Sofian, 2021). Pelaporan ini juga secara tidak langsung akan meningkatkan lagi ketegangan antara etnik dan agama.

Sebagai contoh, persepsi masyarakat bukan Islam di Malaysia mengenai agama Islam juga didapati masih negatif dan mereka melihat Islam sebagai “mundur”, “ekstrim”, “fundamentalis”, “konservatif” dan “mengongkong” (Bahtiar, Hassan & Mohamad Khadafi, 2004; Mohd Azhar, Rosman, Muhammed Fauzi & Mohd Koharuddin, 2013:13). Perspektif mereka terhadap agama Islam ini dikatakan dipengaruhi oleh artikel dan penulisan akhbar-akhbar sama ada dari media

antarabangsa atau media tempatan. Media di Malaysia turut berperanan mengukuhkan persepsi yang salah dalam kalangan masyarakat bukan Islam terhadap agama Islam ditambah pula pemberitaan yang buruk oleh media antarabangsa yang sedia ada.

Salah satu contoh isu yang sering kali menimbulkan konflik di Malaysia, mengenai isu pertukaran agama terutamanya jika melibatkan agama Islam. Menurut Kuek dan Tay (2012), dalam konteks di Malaysia, seseorang warganegara itu mempunyai kebebasan menukar agamanya walaupun Islam sangat melarang umatnya menukar agama. Halim, Ahmad, Abdul Rahman dan Romli (2018) menyatakan kewujudan hukuman bagi kes-kes keluar Islam di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri menunjukkan bahawa di Malaysia, keluar daripada Islam adalah satu kesalahan jenayah di bawah undang-undang peringkat negeri namun hukumannya bukanlah hudud. Ada ulama kontemporari yang membenarkan orang Islam untuk keluar daripada Islam selagi mana ia tidak memerangi, mengancam, mencerca dan menghina agama Islam (Adil, 2005 dalam Halim, Ahmad, Rahman dan Romli, 2018). Kebebasan ini telah mengundang ketegangan antara etnik dan agama apabila wujudnya isu pertukaran agama unilateral dalam kalangan anak-anak di bawah hak jagaan ibu atau bapa yang menukar agamanya ke Islam (Khan & Al-Samuri, 2021).

### **Kajian kes**

Kes terbaru yang melibatkan pertukaran agama unilateral dalam kalangan anak-anak ini adalah pada Februari 2022. Seorang ibu, Loh Siew Hong, telah membuat laporan polis untuk meminta semula tiga orang anaknya yang didakwa berada di bawah jagaan seorang pendakwah wanita yang bertugas di pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi mualaf di Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Beliau menyatakan bahawa telah berpisah dengan suami dan anak-anaknya sejak Mac 2019 semasa anak kembarnya berumur 14 dan seorang lagi berusia 10 tahun. Walaupun Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memberikan hak penjagaan ketiga-tiga anak itu kepada Loh pada Mac 2021, Loh menyatakan kesukaran untuk berjumpa dengan anak-anaknya (Anand, 2022).

Bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang (II), P. Ramasamy pula menyatakan bahawa Loh tidak dapat menghubungi anak-anaknya semasa dan selepas beliau berada di rumah perlindungan bagi mangsa penderaan rumah tangga, selepas Loh didakwa didera oleh suaminya pada tahun 2019

(Penang Deputy CM being probed over FB post, 2022). Pada masa itu, anak-anaknya dipercayai telah di-Islamkan oleh bapanya dan meletakkan mereka di bawah jagaan pihak berkuasa agama Islam di Perlis. Suaminya, Nagahswaran Muniandy yang kini berada di penjara atas kesalahan berkaitan dadah itu didakwa “menculik” anak-anaknya dan menempatkan mereka di sebuah rumah kebajikan di Perlis.

Kes ini semakin mendapat perhatian apabila Loh cuba mencabar untuk menyemak semula penukaran agama anak-anaknya ke Islam tersebut. Wanita itu memfailkan permohonan semakan kehakiman dengan menamakan Pendaftar Mualaf Negeri Perlis, MAIPs, Mufti Perlis Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin dan kerajaan negeri Perlis dinamakan sebagai responden pertama hingga keempat (Ali, 2023). Menurut permohonan yang difailkan, Loh antara lainnya memohon agar anak-anaknya diisytiharkan sebagai penganut agama Hindu dan akuan memeluk agama Islam semua kanak-kanak itu bertarih 7 Julai 2020 dibatalkan.

Selain itu, beberapa parti politik seperti PAS, DAP dan MCA juga cuba masuk campur dalam hal ini. PAS telah menggesa kerajaan mengutamakan kebajikan tiga anak Loh dan memastikan mereka tidak dipaksa untuk menjadi murtad (Zin, 2022). PAS juga menggesa pihak berkuasa agama di setiap negeri untuk meminda syarat menukarkan agama supaya penukaran agama ini boleh dilakukan tanpa persetujuan kedua-dua belah pihak. Manakala MCA pula telah menggesa agar anak-anak tersebut disatukan dengan ibu mereka semula dan seolah-olah menyalahkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis tersebut ('Have a heart' – Wanita MCA tells Welfare Department to reunite mum, kids, 2022). Manakala DAP melalui pemimpinnya telah didakwa melakukan pelbagai fitnah terhadap beberapa pihak terutamanya dalam kalangan pendakwah Islam yang terkait dengan isu ini sehingga menambah lagi konflik terhadap isu ini (Kes Loh Siew Hong: Pendakwah saman ahli politik DAP Dr P Ramasamy dan YB Satees Muniandy masing-masing RM5 juta, 2022).

Hal ini menunjukkan bagaimana isu-isu agama dan kaum ini sering mendapat perhatian parti-parti politik untuk mendapat manfaat dari isu-isu yang timbul. Hal ini bersesuaian dengan kajian yang dilakukan oleh Hasrina, Wan Norshira dan Ramli (2013) yang menyatakan bahawa isu agama dan

kaum sering dijadikan “gula-gula” oleh parti-parti politik untuk meraih undi rakyat ketika pilihan raya menjelang sekaligus menjadikan ia sangat berpengaruh dalam membentuk lanskap pelaporan media kini di Malaysia.

### **Objektif kajian**

Memandangkan kajian ini melibatkan pertelingkahan antara agama, adalah penting dan menarik untuk dilakukan analisis terhadap pbingkaian pelaporan dua portal berita iaitu The Star dan Malaysiakini terhadap isu ini. Memandangkan isu-isu konflik melibatkan agama Islam sering kali dilaporkan dengan negatif (Sofian & Hussein, 2018 , Sofian & Azmawati, 2019;; Sofian, 2021), isu ini juga amat penting untuk dilakukan analisis tentang cara pelaporan dua portal berita berbahasa Inggeris mengenai isu ini dan peranan yang dimainkan oleh kedua-dua portal berita ini.

Analisis pbingkaian berkaitan pelaporan berita kontroversi penukaran agama Islam dan murtad telah banyak dilakukan (Fong & Ishak, 2010; Fong & Ishak, 2011; Sofian & Hussein, 2013). Namun, kajian mengenai pbingkaian isu penukaran agama secara unilateral adalah sangat terhad walaupun hangat dibincangkan dalam akhbar Malaysia (Sofian & Azmawati, 2019; Sofian, Briandana & Azmawati, 2021).

### **Sorotan Literatur**

#### **The Star**

The Star merupakan akhbar berbahasa Inggeris terkemuka Malaysia yang ditubuhkan pada 9 September 1971. The Star Online merupakan lanjutan The Star yang telah dilancarkan sebagai portal berita dalam talian pertama di Malaysia pada tahun 1995. 42% saham syarikat ini dimiliki oleh Huaren Holdings Sdn. Bhd, iaitu syarikat pelaburan daripada Persatuan Cina Malaysia (MCA), sebuah parti politik berasaskan kaum di bawah gabungan Barisan Nasional (BN) (Murudi & Ting, 2019; Yousef, 2020). Menurut Yousef (2020), The Star Online dianggap portal berita prokerajaan terutamanya ketika Barisan Nasional masih berkuasa sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (Sofian & Azmawati; Fong & Ishak, 2015). Perhubungan MCA dalam pengurusan syarikat ini telah menyebabkan pelaporan akhbar ini sebahagian besarnya melaporkan kebimbangan masyarakat Cina di Malaysia. Menurut Fong dan Kit (2017), akhbar Inggeris yang dibaca oleh

golongan berpendidikan dan golongan elit ini mampu mengatasi masalah kumpulan kaum di Malaysia apabila akhbar ini dibaca oleh pelbagai kaum dan bukan hanya kaum tertentu. Akhbar *The Star* dilihat mampu berfungsi menjadi medium perdamaian antara etnik dan agama. Walau bagaimanapun, *The Star* dilihat sering berkompromi dengan pihak kerajaan yang diterajui UMNO sebelum ini dan kadangkala dilihat berat sebelah terhadap kerajaan Barisan Nasional terutamanya daripada MCA (Fong & Ishak, 2015; Sofian, 2021). Hal ini turut dibuktikan apabila salah seorang editor di akhbar tersebut menjelaskan pimpinan parti tersebut tidak pernah mencampuri urusan editorial namun dalam beberapa hal, pimpinan parti ada memberikan cadangan dalam melaporkan mengenai sesuatu isu dengan menonjolkan kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh ahli-ahli politik parti tersebut (Sofian, 2021).

### **Malaysiakini**

Malaysiakini ialah portal berita alternatif pertama di Malaysia yang sebelum ini berada di bawah naungan dua wartawan terkemuka, iaitu Steven Gan dan Premesh Chandra telah wujud pada tahun 20 November 1999 (Yousef, 2020). Menurut Murudi dan Ting (2019), Malaysiakini menerbitkan berita dalam empat bahasa iaitu bahasa Melayu, Cina, Inggeris dan Tamil. Akhbar ini juga tidak menerima pembiayaan daripada mana-mana entiti kerajaan dan dimiliki sepenuhnya oleh entiti bukan kerajaan. Syarikat ini mula dibuka dengan bermodalkan geran AS\$100,000 daripada Southeast Asian Press Alliance (SEAPA). Malaysiakini juga menerima sokongan geran daripada pelbagai agensi seperti Asia Foundation, Canadian International Development Agency (CIDA), Free Voice (FV), Open Society Institute (OSI) dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, tiada geran yang melebihi 10% daripada jumlah bajet pengurusannya supaya portal berita ini kekal bebas dalam melaporkan berita. Akhbar ini juga mengekalkan perspektif prodemokrasi dan sekular yang mempromosikan identiti kolektif yang tidak khusus dalam kalangan pembaca dan turut lebih terbuka dalam pemberitaannya dan tidak bersikap berat sebelah kepada mana-mana pihak (Fong & Ishak, 2010; Fong & Ishak, 2011, Fong & Kit, 2017). Laman berita yang bersifat bebas ini telah memberi kesan kepada kredibiliti media arus perdana yang dikawal oleh parti pemerintah. Hal ini secara tidak langsung memberi audiens galakan untuk menyiasat dan mengkritik isu-isu yang dilaporkan (Weiss, 2013). Namun begitu, Malaysiakini juga sering kali dilihat melaporkan Islam dengan kritikal dalam beberapa isu sehingga ada pihak yang menggelar portal tersebut sebagai

anti-Islam (Muhammad Raqib & Qasem, 2020; Sofian, 2021).

### **Isu agama dalam pelaporan akhbar**

Terdapat beberapa kajian telah dijalankan untuk meneroka pelaporan akhbar berkaitan agama Islam di Malaysia. Antaranya penukaran agama yang melibatkan agama Islam (Shaari, Ngu & Raman, 2006; Fong & Ishak, 2010; Fong & Ishak, 2011), isu Kristianisasi (Sofian & Hussein, 2013; Sofian dan Hussein, 2014; Sofian & Hussein, 2018), isu kalimah Allah (Sofian, 2021) dan kontroversi terkini, penukaran agama unilateral (Sofian & Azmawati, 2019; Sofian, Briandana & Azmawati, 2021). Kesemua kajian yang dilakukan ini mengenai isu-isu yang berlaku sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018. Maka, isu dalam kajian ini menarik untuk dikaji memandangkan ia merupakan sebuah isu yang berlaku selepas Pilihan Raya Umum ke-14 yang mana senario politik dan media juga turut sedikit sebanyak berubah.

Dapatan kajian yang telah dilakukan sebelum ini menunjukkan akhbar berbahasa Melayu seperti Utusan Malaysia dalam melaporkan mengenai konflik melibatkan agama sering kali melebihkan orang Melayu dan Islam, manakala akhbar berbahasa Inggeris seperti The Star dan Malaysiakini sering kali melaporkan isu-isu kontroversi ini dengan cenderung untuk berpihak kepada bukan Islam, memandangkan kedua-dua pemilikan akhbar ini tidak berkait dengan Islam dan Melayu. Malah akhbar berbahasa Cina juga sangat vokal dalam menyuarakan pandangan mereka yang berpihak kepada masyarakat bukan Islam. Shaari dan rakan-rakan (2006) menyatakan akhbar vernakular memainkan peranan mereka dalam memperjuangkan hak komuniti masing-masing.

Dalam beberapa kajian yang dilakukan, Malaysiakini dilihat lebih berani dan mempersoalkan mengenai Islamisasi yang berlaku di Malaysia dan mengkritik pihak kerajaan dan pihak berkuasa. Malah dalam beberapa hal mempersoalkan mengenai kedudukan Islam di Malaysia sekali gus boleh mendatangkan impak yang negatif terhadap Islam. The Star pula dilihat mengambil pendekatan yang sederhana dalam mengkritik pihak kerajaan dan pihak berkuasa dalam isu-isu konflik yang berlaku. The Star juga dilihat lebih mengambil pendekatan untuk mengalih perhatian mengenai isu-isu yang dilaporkan dengan menyalahkan pembangkang terutamanya parti PAS kerana bersifat ekstrim dan menimbulkan kekacauan dalam perhubungan antara agama di

Malaysia. Akhbar-akhbar tersebut juga dilihat mengkritik parti-parti politik pembangkang seperti PAS yang didakwa bersifat ekstrim dalam beberapa isu. Apabila parti yang menggunakan nama Islam dikritik maka tanpa disedari Islam juga terpalit dengan kritikan yang diberi.

Dapatan kajian juga menunjukkan akhbar-akhbar arus perdana seperti Utusan Malaysia dan The Star sering kali melaporkan kontroversi isu-isu agama ini dengan menerbitkan lebih banyak artikel yang berkisarkan politik dan konflik yang berlaku dalam kalangan parti politik pembangkang dan tidak begitu memfokuskan perbincangan menyelesaikan masalah berbangkit dan jarang sekali menyalahkan pihak kerajaan dalam isu-isu yang berlaku.

### **Kerangka teori: Pembingkai**

Menurut Weaver (2007), pengkaji komunikasi memilih teori pembingkai sebagai kerangka teori kajian kerana teori ini mampu menjadi skema pemberitaan yang menyeluruh. Menurut Vreese (2005), merangka cara penyampaian sesuatu isu dengan cara tertentu boleh mempengaruhi media dalam membentuk pendapat umum. Proses pembingkai sering berlaku tanpa disedari yang secara tidak langsung, mempengaruhi persepsi khalayak (Sofian & Hussein, 2014). Proses pembingkai ini akan membuatkan sesebuah cerita itu lebih menonjol sehingga mendapat perhatian audiens (Mulyana, 2002). Pembingkai ini boleh dilakukan melalui penekanan sesuatu aspek dan memperbesarkan isu dengan cara tertentu (Mulyana, 2002).

Terdapat pelbagai definisi pembingkai telah dikaji pada tahun 1980-an oleh pengkaji-pengkaji media seperti Entman (1993), Pan dan Kosicki (1993), Terkildsen dan Schnell (1997), Reese (2003) dan sebagainya. Namun begitu, setiap pengkaji mempunyai sudut pandangan yang berbeza terhadap pembingkai. Terkildsen dan Schnell (1997) membincangkan teori ini seperti berikut:  
*Pembingkai penting apabila isu boleh dibentangkan dalam pelbagai cara yang mampu mempengaruhi dan membentuk pemikiran tentang sesuatu isu.*

Reese (2003) pula melihat bingkai sebagai:

*Penyusunan yang dikongsi secara sosial dan berterusan dari semasa ke semasa dan berfungsi secara simbolik untuk menstruktur dunia dengan penuh makna.*



Hampir sama dengan pandangan Entman (1993), Pan dan Kosicki (1993) pula menyatakan: *Kita boleh melihat pbingkaian berita media sebagai alat kognitif yang digunakan dalam pengekodan maklumat, mentafsir dan menghubungkan antara rutinnya dan pembentukan berita. Oleh itu, pbingkaian boleh dikaji sebagai strategi membina dan memproses wacana berita ataupun sebagai ciri dalam wacana itu sendiri.*

Menurut Entman (1993), pbingkaian ialah:

*Pada awalnya pbingkaian hanya melibatkan isu pemilihan dan kepentingan. Pbingkaian merupakan pemilihan pelbagai aspek realiti yang diterima dan membuat peristiwa tersebut lebih menonjol berbanding realiti dan melibatkan proses pendefinisian masalah, tafsiran sebab dan kesan, membuat penilaian moral dan mencari penyelesaian masalah.*

Pbingkaian media juga dikenali sebagai penetapan agenda peringkat kedua (*second-level agenda setting*). Penetapan agenda menerangkan punca sesuatu isu itu menjadi lebih penting daripada yang lain dan secara tidak langsung mendapat perhatian audiens manakala pbingkaian menyediakan cara untuk menggunakan kuasa komunikasi secara persuasif serta membentuk pemikiran seperti yang dipaparkan dalam situasi (Linstrom & Marais, 2012; Ruolan, 2019).

## **Metodologi**

Secara amnya, kajian ini hanya mengkaji berita-berita umum (*hard news*) mengenai isu penukaran agama secara unilateral dalam portal berita The Star Online dan Malaysiakini, tidak termasuk editorial, rencana, komentar dan sebagainya. Kajian ini juga akan menganalisis pelaporan dalam tempoh yang singkat iaitu satu (1) bulan bermula 16 Februari 2022 hingga 17 Mac 2022. Pemilihan tempoh ini dibuat selepas mengambil kira perintah Mahkamah Tinggi untuk "melarang semua pihak, media biasa atau media sosial" daripada menyiarkan nama tiga anak Loh Siew Hong. Bagi menghormati perintah mahkamah tersebut, pemberitaan mengenai anak-anak Loh Siew Hong mengikut pemerhatian penulis sudah mula berkurang bermula 17 Mac, 2022. Untuk memahami dengan lebih lanjut mengenai isu ini, kajian ini dilakukan dengan menggabungkan analisis

kandungan kuantitatif dan analisis kandungan kualitatif dengan melihat kepada frekuensi dan perkataan-perkataan yang digunakan dalam pelaporan.

Portal berita Malaysiakini dipilih sebagai sampel kerana kekuatannya sebagai akhbar dalam talian terkemuka dan pencapaiannya dalam melaporkan secara telus (Sahad, Abdullah & Abdullah, 2013). Malah Malaysiakini dalam tahun-tahun kebelakangan ini menjadi antara portal berita yang paling tinggi dilawati oleh pembaca (Zaharom, 2019). The Star pula dipilih kerana mempunyai edaran tertinggi sebagai akhbar Inggeris dan audiensnya terdiri daripada pelbagai kaum (Fong & Kit, 2017). The Star Online juga menjadi laman web kedua paling tinggi dilawati oleh rakyat Malaysia selepas Malaysiakini (Zaharom, 2019). Kajian ini juga memilih untuk mengkaji kedua-dua portal berbahasa Inggeris kerana ingin melihat sejauh mana portal berita yang menumpukan pelaporan mereka kepada khalayak yang kebanyakannya bukan Melayu Islam dan golongan Melayu dalam kelas pertengahan melaporkan mengenai isu ini. Dapatan kajian-kajian lain sebelum ini menunjukkan portal berbahasa Inggeris di Malaysia melaporkan isu-isu yang berkaitan Islam dengan negatif (Hassan, Azmi, Abubakar, Nasidi & Shehu, 2021).

Persampelan bertujuan digunakan sebagai kaedah persampelan bagi kajian ini. Persampelan bertujuan adalah salah satu teknik persampelan bukan kebarangkalian dengan mengambil dan memilih sampel yang hanya mempunyai ciri-ciri khusus bersesuaian dengan kajian. Dengan menggunakan persampelan bertujuan bagi memperoleh sampel dari The Star Online dan Malaysiakini, pengkaji melayari laman web kedua-dua akhbar tersebut (<https://www.malaysiakini.com> dan <https://www.thestar.com.my>) dengan menggunakan enjin carian daripada akhbar dalam talian tersebut untuk mendapatkan berita. Pengkaji hanya memilih artikel berbentuk berita sahaja untuk memahami sesuatu peristiwa atau isu dilaporkan dalam media dan cara pelaporan itu mempengaruhi persepsi audiens, penyelidik lebih tertarik dengan analisis berita (*hard news*). Kata kunci pencarian yang digunakan ialah “Loh Siew Hong” dan *Unilateral conversion* bagi membolehkan pengkaji mendapatkan berita-berita berkaitan dengan kajian ini. Sebanyak 66 berita yang dipilih daripada kedua-dua sampel adalah dari 14 Februari sehingga 17 Mac 2022 yang merupakan tempoh kemuncak isu tersebut. 17 Mac 2022 merupakan tarikh mahkamah memerintah media untuk tidak mendedahkan nama dan gambar anak-anak Loh Siew Hong.

Kajian ini juga mengadaptasi pembingkai yang diperkenalkan oleh Semetko dan Valkenburg (2000) iaitu konflik, kesan, tanggungjawab, moral dan minat manusia (*human interest*) yang diguna pakai dalam kajian ini. Konflik secara khususnya menekankan konflik antara individu, kumpulan atau institusi untuk menarik minat audiens. Perbezaan pendapat dan perasaan mengenai sesebuah isu juga boleh dibingkai melalui bingkai ini (Novarini & Omar, 2016). Bingkai minat manusia ini memaparkan wajah manusia atau dari sudut emosinya dalam melaporkan sesuatu peristiwa, isu atau masalah. Pembingkai ini akan dilakukan dengan memperibadikan berita, menambah unsur dramatik dan emosi supaya dapat mengekalkan minat audiens. Bingkai ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesesuaian berita, menjelaskan dan mengesan berita bagi mengekalkan minat pembaca (Novarini & Omar, 2016).

Bingkai kesan ekonomi melaporkan peristiwa, masalah atau isu dalam aspek kesan ekonomi terhadap individu, kumpulan, institusi atau negara. Kesan terhadap sesuatu peristiwa ialah nilai berita yang penting kerana ia menyebabkan kesan ekonomi yang besar. Namun dalam kajian ini, memandangkan ia tidak melibatkan ekonomi, kesan dalam konteks kajian ini lebih tertumpu kepada kesan-kesan yang bakal berlaku kepada mana-mana pihak yang terlibat dengan isu ini hasil daripada tindakan yang diambil oleh mereka. Bingkai moral pula dilakukan terhadap konteks preskripsi moral dan pegangan agama. Dalam konteks melaporkan bingkai moral, wartawan sering merujuk isu ini melalui petikan atau inferens seolah-olah orang lain yang menimbulkan persoalan. Tanggungjawab pula bingkai yang membincangkan isu atau masalah dan mengaitkan tanggungjawab kepada punca atau penyelesaian sama ada kepada kerajaan, individu serta kumpulan.

## **Dapatan kajian**

Dapatan kajian berjaya mengumpul sebanyak 66 berita yang telah diterbitkan daripada akhbar berbahasa Inggeris iaitu Malaysiakini dan The Star Online khusus untuk kajian ini. Bingkai-bingkai berita yang diadaptasi daripada kajian Semetko dan Valkenberg (2000) diguna pakai dalam menjawab objektif kajian ini. Bingkai-bingkai berita yang didapati adalah seperti berikut:

Sesetengah artikel membawa lebih daripada satu bingkai. Dengan itu, jumlah bingkai berita yang didapati adalah N=70 walaupun hanya 66 berita yang dikaji. The Star didapati melaporkan bingkai

berita minat manusia tertinggi sebanyak 19, diikuti dengan konflik (16), kesan (4), tanggungjawab (4) dan moral (1) manakala berbeza bagi Malaysiakini yang melaporkan bingkai konflik tertinggi iaitu 9 dan diikuti dengan kesan (6), tanggungjawab (5), minat manusia (4) dan moral (2).

Setelah diteliti, The Star melaporkan bingkai berita minat manusia (19) jauh lebih tinggi berbanding Malaysiakini (4). Seterusnya, kedua-dua portal berita melaporkan paling banyak mengenai bingkai konflik dan ia bukanlah sesuatu yang mengejutkan memandangkan isu ini sudah tentu bersifat konflik. Seterusnya, kedua-dua portal berita tidak menunjukkan perbezaan yang ketara bagi bingkai-bingkai berita yang lain.

### **Pembingkaian The Star**

The Star paling banyak melaporkan berita membingkaikan **minat manusia** (19) dalam melaporkan isu penukaran agama unilateral supaya mempunyai kesan emosi. Pelaporan akhbar dalam bingkai ini meliputi berita mengenai perasaan, perjuangan dan harapan Loh untuk anak-anaknya. Selepas diteliti satu per satu dapatan kajian, laporan The Star pada 15 Februari 2022 yang bertajuk *Single mum to three claims welfare officer prevented her from visiting kids* menunjukkan Loh sangat kesal dengan situasi yang dilalui dan sanggup menukar agamanya kepada Islam asalkan anak-anaknya boleh berada di pangkuannya.

*Loh said she longed to see her three children, aged between 10 and 14, and would even convert to Islam if that was the only way to see them*  
(Hilmy, 2022a).

Selain itu, berita selanjutnya iaitu *Mum buys chicken rice for her children as she finally gets to meet them* (Hilmy, 2022b) membingkaikan minat manusia dengan menyatakan Loh berasa sangat gembira kerana dapat berjumpa semula dengan anak-anaknya di rumah kebajikan di Jitra, Kedah. Loh telah singgah ke Sungai Petani untuk membeli makanan dan pencuci mulut kegemaran anak-anaknya.

Seterusnya, berita bertajuk *One-hour visits not enough to bond with children, says single mother* (The Star, 18 Februari 2022f) menerangkan bahawa satu jam ialah waktu yang sangat singkat untuk

mengeratkan hubungan ibu dan anak, Loh meminta JKM untuk memberi masa yang lebih lama untuk bersama anak-anaknya (Hilmy, 2022c).

Berita bertajuk *Single mum Loh, three kids over the moon as they bond over cooking and travel* pula membingkaikan minat manusia dengan menyatakan anak-anaknya berasa sedih kerana Loh sangat banyak membelanjakan duit. Walau bagaimanapun, Loh menyatakan bahawa beliau sudah menyimpan wang sejak tiga tahun lepas untuk membelanjakan kepada anak-anaknya (Xian, 2022).

Pembingkaian minat manusia diteruskan lagi dengan berita bertajuk *Single mum Loh plans to start food business to secure her kids' future* (Chern, 2022a), bagi memastikan masa depan yang cerah, Loh ingin membuat perniagaan trak bagi menampung perbelanjaan pelajaran anak-anaknya untuk dihantar ke universiti.

Selain itu, dalam berita bertajuk *Loh writes open letter thanking those that helped her reunite with her kids* (Xian, 2022b), bingkai ini dinyatakan jelas apabila Loh berkata pencarian anak-anaknya selama tiga tahun merupakan pengalaman pahit manisnya selepas didera dan dipisahkan secara paksa dengan anak-anaknya. Surat terbuka ditulis kepada khalayak untuk berterima kasih dan Loh menyatakan tiada perkataan dapat menggambarkan kegembiraan beliau apabila akhirnya dapat memeluk anak-anaknya setelah tiga tahun berpisah.

*"My three-year search to be reunited with my twin daughters and son has been a harrowing ordeal after all the physical abuse and battery, forcible separation from my offspring and being given the runaround from various quarters"*

Jelas sekali dalam dapatan kajian ini, The Star cuba memperkenalkan sisi keibuan Loh dan cuba menunjukkan anak-anaknya jelas memerlukan Loh dalam kehidupan mereka.

Selain itu, melalui bingkai **konflik**, The Star kebanyakannya melaporkan mengenai tindakan dan kata-kata peguam, badan bukan kerajaan (NGO), keputusan mahkamah dan campur tangan pihak ketiga. Sebagai contoh, Persatuan Muda Buddha Malaysia (YBAM) telah menggesa Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPS) untuk mematuhi keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan

membatalkan penukaran agama secara unilateral anak-anak Loh Siew Hong kepada Islam (Abide by KL High Court decision and undo unilateral conversion of the three kids, YBAM tells Perlis Religious Dept, 2022). Bingkai konflik ini diteruskan dalam berita bertajuk *Father wants children's conversion to be defended, says Perlis mufti* apabila Mufti Perlis, Datuk Seri Mohd Asri Zainul Abidin menyatakan bapa yang berada dalam penjara ingin mempertahankan agama Islam anak-anaknya tetapi Loh pula ingin anak-anaknya kembali ke agama asal mereka (Father wants children's conversion to be defended, says Perlis mufti, 2022).

Selain itu, dalam The Star pada 18 Februari 2022 yang bertajuk *Perlis Islamic Religious Dept negligent for allowing unilateral conversion, says MCCBCHST*, Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST) menganggap penukaran agama unilateral anak-anak ini ialah kecuaiannya JAIPS kerana ia dilakukan tanpa persetujuan ibunya memandangkan JAIPS tidak tahu keberadaan Loh ketika anak-anaknya ditukarkan agama ke Islam. Perkataan kecuaiannya (negligent) boleh dikatakan tidak keterlaluan memandangkan ia menunjukkan mungkin pihak berkuasa agama tersilap langkah dalam membuat keputusan mengenai isu ini (Perlis Islamic Religious Dept negligent for allowing unilateral conversion, says MCCBCHST, 2022).

Berita The Star pada 21 Februari 2022 yang bertajuk, *Reunited: High Court orders immediate release of Loh's kids from Welfare Dept's care* dilihat turut memberi peluang kepada pihak peguam daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Perlis untuk memberikan pendapat beliau mengenai kes ini. Peguam, Aidil Khalid yang mewakili responden pertama, Nazirah Nanthakumari Abdullah berkata, tidak pernah timbul isu hak penjagaan haram oleh anak guamnya. Anak-anaknya juga berada di pusat jagaan di atas permohonan Loh sendiri maka mustahil untuk dikatakan penahanan tersebut menyalahi undang-undang (Reunited: High Court orders immediate release of Loh's kids from Welfare Dept's care, 2022). Peguam tersebut turut mempersoalkan mengapa Loh tidak bersetuju dengan keputusan bekas suaminya untuk menukar agama anak mereka kepada Islam memandangkan agama suaminya ialah Hindu manakala Loh sendiri beragama Buddha, seperti yang dinyatakan dalam surat kelahirannya. Anak-anak tersebut juga telah didaftarkan sebagai Hindu mengikut agama ayah mereka dan bukan sebagai Buddha. Walaupun kenyataan ini turut dimasukkan dalam pemberitaan tersebut, namun kenyataan ini diletakkan di bahagian bawah dan bukan isi utama seperti tajuk berita yang disiarkan.

Dalam memaparkan bingkai konflik ini, The Star beberapa kali turut menerbitkan berita-berita dengan menumpukan kepada Mufti Perlis. Sebagai contoh, Mufti Perlis itu berkata beliau bimbang jika anak-anak itu tidak terus menganut agama Islam dan beliau akan bantu mencari undang-undang untuk pertahankan agama mereka (Trisha, 2022). Selain itu, beliau ingin memastikan anak-anak Loh kekal beragama Islam kecuali mereka ingin kembali ke agama asal tanpa paksaan oleh ibunya. Kenyataan-kenyataan seperti ini menambah lagi konflik yang sedia ada.

Akhir sekali, merujuk kepada berita The Star pada 2 Mac 2022, yang bertajuk *Muslims have responsibility to safeguard rights, interests of minorities, says Nazri* (Carvalho, Zainal & Tang, 2022), MP Padang Rengas mempunyai pendapat yang berbeza berbanding Mufti Perlis dan beliau menegaskan bapa kepada anak-anak tersebut tidak berhak menukar agama anak-anaknya tanpa kebenaran ibu. Nazri juga menyatakan masyarakat Islam perlu menjaga hak-hak orang bukan Islam supaya mereka tidak merasakan mereka ditindas. Kenyataan sumber ini hanya didapati dalam pelaporan The Star dan tidak di Malaysiakini. Inisiatif yang diambil oleh The Star ini dilihat mampu memberikan impak yang positif bagi menunjukkan bukan semua orang Islam mempunyai pandangan yang sama mengenai sesuatu isu dan ada juga yang lebih bersifat terbuka dan progresif.

The Star juga mempunyai beberapa laporan berita yang menggunakan bingkai **kesan** dalam isu ini. The Star membingkai isu ini dalam konteks semakan hakiman dan tindakan undang-undang. Merujuk kepada berita The Star pada 20 Februari 2022 yang bertajuk *Single mum hopes to bring kids home, files judicial review to challenge unilateral conversion*, penukaran agama unilateral itu akan dicabar melalui semakan kehakiman. Loh dilihat meletakkan harapan yang tinggi agar penukaran agama anak-anaknya itu mempunyai peluang untuk dibatalkan.

*Shamser said once his client could get hold of which state her children had been registered as Muslim, the registrar of converts should then provide proof that consent had been given by the mother for the children's conversion* (Hilmy, 2022d).

Selain itu, bingkai kesan digunakan apabila MAIPS meminta supaya gambar dan identiti anak-anak itu tidak didedahkan bagi melindungi mereka dari sebarang gangguan dan ancaman daripada mana-mana pihak. Berita ini juga dilihat dapat mengurangkan tekanan kepada anak-anak tersebut yang sudah tentu turut terkesan dengan isu yang berlaku ini. Selain itu juga, berita bertajuk: *Bukit*

*Aman to quiz Ramasamy over alleged provocative statement on conversion of Loh's children* menyatakan bahawa Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. P. Ramasamy disiasat oleh polis kerana kiriman di media sosial mengenai isu ini dan berharap masyarakat menggunakan media sosial tanpa menyentuh isu sensitif seperti agama dan kaum (Trisha, 2022b). Kiriman tersebut telah mendapat perhatian kerana bersifat provokasi dan menyebabkan orang ramai tidak berpuas hati dengan JAIPS dan mempunyai stigma negatif terhadap jabatan agama itu.

Selain itu, The Star juga melaporkan empat berita dalam bingkai **tanggungjawab**. Bingkai yang digunakan ini mengenai tanggungjawab ahli berkepentingan untuk menyelesaikan isu ini. Antara yang dijadikan sumber ialah Mufti Pulau Pinang, kumpulan G25, Wanita MCA dan peguam MAIPS. Contohnya, berita bertajuk *Allow single mum to visit children as often as possible, bond of love should always be nurtured, says Penang Mufti* (Trisha, 2022c).

*“Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor said authorities should find a way to ensure children who are separated from their parents are allowed to meet them as often as possible even if both parents follow different religions”*

Dalam berita ini jelas Mufti Pulau Pinang dirujuk untuk memberikan tanggungjawab kepada pihak berkuasa agama Perlis dan JKM untuk menyelesaikan masalah ini dengan segera supaya ibu dan anak-anak dapat disatukan kembali dan berlainan agama bukanlah masalah utama untuk mereka dipisahkan.

Selain itu, berita bertajuk *Single mother Loh given help to kick-start business* (Chern, 2022b) mbingkaikan isu ini dari sudut tanggungjawab wanita MCA sebagai wakil rakyat untuk membantu Loh memulakan kehidupan baru. Dalam konteks berita ini, The Star cuba menunjukkan bahawa MCA sebagai “penyelamat” dan memperjuangkan nasib Loh dengan menjadi sumber utama untuk membantu Loh dalam kehidupan beliau.

Merujuk kepada laporan The Star pada 21 Februari 2022 yang bertajuk *Respect legal, constitutional rights of single mother after High Court grants custody of kids, says G25*, Kumpulan G25 Melayu telah menyuarakan pendapat mereka untuk menghentikan perdebatan mengenai penukaran agama unilateral kerana bekas suami Loh tidak mengikut prosedur dan undang-undang



semasa menukarkan agama anak-anaknya. Kumpulan G25 juga meletakkan tanggungjawab di bahu Peguam Negara untuk segera menyelesaikan isu ini dengan berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan. Dapat disimpulkan di sini, The Star sering kali cuba merujuk kepada sumber berita yang mempromosikan Islam yang sederhana, berempati dan mengikut Perlembagaan negara dalam mengeluarkan pandangan mereka.

*G25 also suggested that it is high time for the Attorney General, as the independent guardian of public interest, to come forward to make a public statement urging parties to obey the Federal Constitution as the supreme law of the nation, as well the decision of the Federal Court and High Court, regarding the matters at hand (Respect legal, constitutional rights of single mother after High Court grants custody of kids, says G25).*

Seterusnya, The Star hanya melaporkan satu berita iaitu *Allow single mum to visit children as often as possible, bond of love should always be nurtured, says Penang Mufti* (Trisha, 2022a) untuk bingkai **moral**. Berita tersebut yang merujuk kepada Mufti Pulau Pinang memaparkan bingkai dalam konteks Malaysia sebagai negara yang berbilang agama dan kaum hendaklah mencintai keamanan dan menghormati antara satu sama lain. Sekali lagi, The Star mengambil pendekatan yang baik dengan merujuk kepada pandangan mufti yang sederhana dalam menerangkan sifat agama Islam yang sebenar.

*"Yet, it is clear that such differences should not be a reason for mutual hatred and enmity between fellow human beings, given that Islam is a religion that calls towards unity and friendship despite being from different religions, races and cultures".*

### **Pembingkaiian Malaysiakini**

Malaysiakini menggunakan bingkai **konflik** paling banyak dalam pelaporan mereka. Mereka menggunakan bingkai konflik dari aspek campur tangan pihak ketiga dalam isu ini iaitu pihak berkuasa agama, ahli politik dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sebagai contoh, merujuk kepada laporan Malaysiakini pada 15 Februari 2022 yang bertajuk *'I just want to cry': Single mom barred from seeing kids after reunion*, Loh mengadu tidak dapat melawat anak-anaknya ekoran

peningkatan kes jangkitan COVID-19 dan seolah-olah meletakkan kesalahan kepada pihak JKM tersebut (Tong, 2022).

Seterusnya, menurut laporan berita pada 16 Februari 2022 dengan tajuk *Mum demands authorities prove she consented to children's conversion* (Loone, 2022a), pihak berkuasa agama di Kedah, Perak dan Pulau Pinang telah diminta untuk membuktikan Loh telah memberi persetujuannya untuk memeluk Islam. Kegagalan pihak berkuasa ini untuk kemukakan bukti akan menyebabkan Loh dan peguamnya memfailkan permohonan untuk semakan kehakiman. Hal ini juga menyebabkan konflik semakin berlarutan dan turut melibatkan Mufti Perlis dalam hal ini.

Malaysiakini turut melaporkan pemberitaan berbentuk konflik yang dilihat boleh menimbulkan pertelingkahan yang lebih besar dalam isu ini. Sebagai contoh, berita bertajuk *Single mum barred from meeting kids again, 'higher' permission needed* (Loone, 2022b) Loh dikatakan perlu meminta kebenaran oleh pihak atasan JKM untuk berjumpa anak-anaknya dan telah ditolak untuk bertemu dengan anak-anaknya. Hal ini menunjukkan seolah-olah pihak JKM cuba untuk menghalang Loh daripada berjumpa anak-anaknya. Malaysiakini juga menggunakan perkataan “penyesalan yang mendalam” (deep disappointment) bagi menunjukkan kekecewaan Loh. Selain itu, berita bertajuk *Single mum claims kids 'brainwashed, blackmailed' to reject her* (Loone, 2022c) adalah satu pemberitaan yang sangat sensitif dalam menimbulkan persepsi yang negatif terhadap pihak JKM dan juga ahli keluarga bekas suaminya. Dalam teks berita tersebut, Loh dilihat menyalahkan pihak polis, ahli keluarga bekas suaminya, JKM dan wanita daripada Hidayah Foundation Center yang bertanggungjawab untuk menjaga anak-anak Loh kerana dikatakan menyembunyikan fakta bahawa anak-anaknya telah ditukarkan agama mereka ke Islam. Loh juga digambarkan sebagai wanita yang kecewa kerana seolah-olah dihalang oleh pelbagai rintangan untuk bertemu dengan anak-anaknya.

Dalam pada itu, Malaysiakini hanya melaporkan empat berita yang menggunakan bingkai **minat manusia**. Pembingkai ini dilakukan dalam konteks Loh yang sayang akan anaknya dan bantuan yang diperoleh. Dalam berita *'I just want to cry': Single mom barred from seeing kids after reunion* (Tong, 2022), bingkai minat manusia dinyatakan apabila Loh meluahkan rasa sedih kerana dihalang untuk berjumpa anak-anaknya akibat penularan kes COVID-19. Seterusnya,

berita bertajuk *Joy for mum: Loh allowed to spend one hour with her three kids* (Tong, 2022b), memfokuskan mengenai Loh yang teruja akan kepulangan anak-anaknya dan keinginannya untuk membelikan barang keperluan mereka. Berita bertajuk *Crowdfunding campaign launched to help Loh buy a food truck* (Loone, 2022d) pula membincangkan mengenai usaha-usaha Wanita MCA untuk membantu Loh membeli trak makanan bagi memulakan perniagaannya.

Merujuk kepada laporan berita Malaysiakini pada 23 Februari 2022 yang bertajuk *'Holding hands tight' - Loh fears losing her kids again*, Loh menyatakan bahawa beliau akan melakukan apa-apa sahaja untuk anak-anaknya setelah kehilangan mereka selama tiga tahun. Malaysiakini juga dilihat cuba membingkaikan Loh sebagai ibu yang bertanggungjawab dalam menjaga anak-anaknya.

*"I hold their hands tight. I am afraid of losing them. I am careful. I will make sure not to lose them again," the 35-year-old single mother told Malaysiakini (Loone, 2022e).*

Selain itu juga, Malaysiakini membincangkan bingkai **kesan** dalam aspek tindakan undang-undang. Merujuk kepada berita Malaysiakini pada 20 Februari 2022 yang bertajuk *Single mum intends to challenge children's unilateral*, Loh cuba mencabar kes ini melalui semakan kehakiman kerana agama anak-anaknya ditukar tanpa kebenarannya. Loh dan peguamnya menghantar surat tuntutan kepada pendaftar mualaf untuk memastikan status pertukaran tersebut. Loh berharap semakan yang dilakukan dapat memberikan kesan yang positif untuk beliau menukar agama anak-anaknya kembali ke agama asal.

*Shamsher said it was necessary for them to send a letter to three states because there is a lack of clarity as to where the children were converted (Single mum intends to challenge children's unilateral conversion, 2022).*

Merujuk kepada berita Malaysiakini pada 21 Februari 2022 yang bertajuk *Court allows Loh to reunite with her three children*, pemingkaian kesan ini jelas apabila Hakim Collin Lawrence Sequerah menyatakan perintah mahkamah pada 31 Mac 2021 yang memberikan hak penjagaan tunggal kepada Loh, masih sah dan tidak seharusnya dilayan dengan sewenang-wenangnya kerana ia dianggap menghina mahkamah. Bingkai kesan ini jelas memberikan kesan yang positif dalam usaha Loh untuk mendapatkan jagaan anak-anak beliau.

*The Kuala Lumpur High Court today allowed the habeas corpus application by the woman of Buddhist faith against the Social Welfare Department and a religious preacher who took care of the children at one point (Rashid, 2022).*

Tidak ketinggalan juga, Malaysiakini melaporkan lima berita dalam bingkai **tanggungjawab**. Pelaporan Malaysiakini dalam bingkai ini merujuk kepada sumber-sumber seperti Wanita MCA, Mufti Pulau Pinang dan ABIM dalam menyelesaikan isu ini.

Sebagai contoh, berita bertajuk *'Have a heart' - Wanita MCA tells Welfare Department to reunite mum, kids*, ia menyatakan bahawa wanita MCA telah mendesak JKM untuk memulangkan anak-anak Loh kepadanya dan mengatakan pihak polis dan JKM tiada hak untuk menghalang Loh daripada berjumpa anak-anaknya. Jelas sekali Wanita MCA cuba meletakkan tanggungjawab untuk menyelesaikan isu ini kepada pihak polis dan jabatan kebajikan tersebut (*'Have a heart' - Wanita MCA tells Welfare Department to reunite mum, kids, 2022*).

Seterusnya, merujuk kepada laporan Malaysiakini bertajuk *Abim wants govt to ensure Loh can see children 'as often as possible'* pada 20 Februari 2022, ABIM menyatakan bagi memastikan kebajikan anak-anak ini dijaga, kerajaan hendaklah mempercepatkan tindakan dalam kes ini. Jelas sekali, ABIM dilihat meletakkan tanggungjawab di bahu kerajaan untuk menyelesaikan isu ini dengan baik.

*The Muslim Youth Movement of Malaysia (Abim) has called on the government to ensure that single mother Loh Siew Hong is given the opportunity to see her three children as often as possible (Abim wants govt to ensure Loh can see children 'as often as possible', 2022).*

Selain itu, merujuk kepada laporan Malaysiakini pada 17 Februari 2022 yang bertajuk *'Penang Mufti wants separated children to see parents as often as possible'*, Mufti Pulau Pinang telah menyatakan jalinan kasih sayang antara ahli keluarga perlu sentiasa dipupuk walaupun berbeza agama dan pihak berkuasa perlu membantu keluarga ini bersatu semula. Dalam isu ini, Malaysiakini boleh dipuji kerana turut menggunakan dua sumber daripada kalangan sarjana dan pertubuhan Islam yang menunjukkan sifat ehsan, simpati dan empati terhadap Loh yang dilihat sebagai seorang wanita dan ibu yang sangat perlu disatukan dengan anak-anaknya secepat mungkin.

*Penang Mufti Wan Salim Wan Mohd Noor has called on the authorities to find a way so that children separated from their parents are allowed to meet them as often as possible even if both parents profess different religions (Ramlan, 2022).*

Akhir sekali, Malaysiakini melaporkan dua berita menggunakan bingkai **moral**. Bingkai ini digunakan dalam membincangkan mengenai keamanan dan penjagaan agama anak-anaknya. Sebagai contoh, berita *Top psychiatrist warns of impact on Loh's children* (Vengadesan, 2022) memaparkan bingkai ini melalui kenyataan mengenai kesihatan mental anak-anak Loh. Presiden Persatuan Kesihatan Mental Malaysia, Dr Andrew Mohanraj telah menyuarakan rasa bimbang terhadap kesan psikologi anak-anak Loh dalam perebutan hak penjagaan dan situasi penderaan yang lalu.

## **Perbincangan**

Dapatan kajian menunjukkan The Star melaporkan dengan menggunakan bingkai minat manusia tertinggi iaitu sebanyak 19 berita. Dapatan ini bersesuaian dengan dapatan kajian oleh Sofian dan Azmawati (2019) dan Sofian, Briandana dan Azmawati (2021) mengenai isu penukaran agama unilateral anak kepada Indira Gandhi kerana kedua-dua kajian ini membingkai minat manusia dengan memfokuskan pengorbanan sebagai seorang ibu. The Star dalam isu ini juga menekankan mengenai pengorbanan Loh untuk mendapatkan semula anaknya dan harapan untuk menjadi ibu yang terbaik setelah berjumpa dengan anak-anaknya.

Seperti yang dibincangkan dalam bab-bab sebelum ini, The Star dimiliki MCA yang secara tidak langsung menyebabkan sebahagian besar pelaporannya memfokuskan kepada ahli-ahli politik daripada MCA dan memfokuskan kepada isu-isu yang berkaitan dengan masyarakat Cina di Malaysia (Yousef, 2020). The Star memberi ruang kepada Wanita MCA untuk memberi keterangan mengenai beberapa perkara dalam isu penukaran agama secara unilateral ini bagi menunjukkan parti itu benar-benar ingin membela nasib orang bukan Islam dan berbangsa Cina di Malaysia.

Walaupun Malaysiakini turut memberi ruang kepada wanita MCA untuk menjadi sumber, namun ia hanya dilakukan sekali tetapi The Star memberi ruang sebanyak empat berita kepada wanita

MCA sepanjang dua bulan kes ini berlangsung. Dalam beberapa berita, Malaysiakini turut melaporkan kandungan berita yang sama, namun tidak menyatakan secara terus pihak yang menyumbang wang pertolongan kepada Loh terutamanya sumbangan daripada MCA. Dapatan kajian ini seiring dengan dapatan kajian Sofian dan Hussein (2013) dan Fong dan Ishak (2015) yang menyatakan akhbar arus perdana sering berkompromi dengan pemilik medianya untuk memaparkan kebaikan parti tersebut. Dalam konteks ini, kebaikan MCA dipaparkan melalui kenyataan dan bantuan-bantuan yang diberikan kepada Loh daripada Wanita MCA. Hal ini juga bersesuaian dengan dapatan Sofian (2021) yang menjelaskan cara pimpinan MCA dalam beberapa hal mencadangkan kepada pihak editorial untuk mengeluarkan dan menerbitkan kenyataan daripada pimpinan MCA sendiri di portal berita tersebut.

Selain bingkai minat manusia, bingkai konflik juga adalah yang tertinggi bagi kedua-dua portal berita. Dapatan kajian ini adalah sama seperti dapatan kajian yang dilakukan oleh Fong dan Ishak (2015). Menurut Fong & Ishak (2015), The Star sangat mengambil berat tentang konflik agama dan kewujudan konflik ini adalah sebahagian daripada interaksi manusia. Ia merupakan sebuah cabaran bagi seorang wartawan untuk melaporkan isu ini dengan baik dan tidak memberi kesan yang buruk kepada semua pihak yang berkenaan dan hal ini dapat dibuktikan apabila The Star mengambil pendekatan yang lebih “harmoni” berbanding Malaysiakini dalam melaporkan konflik yang berlaku. Kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan di Malaysiakini yang seolah-olah mengkritik pihak JKM dan MAIPS boleh menimbulkan stigma negatif terhadap jabatan kerajaan tersebut dan sudah tentu Islam turut terpalit. Maka dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian sebelum ini yang menyatakan Malaysiakini dalam beberapa hal cuba merepresentasikan pihak berkuasa agama Islam di Malaysia dalam konotasi negatif (Muhammad Raqib & Qasem, 2020; Sofian, 2021).

Dari sudut sumber berita yang digunakan oleh kedua-dua portal berita, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pelaporan akhbar seperti pemilikan organisasi media, jenis hubungan antara pemilik media dan sumber berita. Sumber juga dianggap salah satu aspek yang penting dalam peningkatan berita. Dalam konteks kajian ini, Mufti Pulau Pinang dan Mufti Perlis juga dijadikan sumber untuk memberi keterangan walaupun The Star dimiliki oleh MCA. The Star tetap memberi peluang kepada kumpulan pro-Islamik seperti Mufti Pulau Pinang dan Mufti Perlis untuk memberi

keterangan walhal The Star dilihat menyokong untuk membatalkan isu penukaran agama unilateral tersebut. The Star juga menggunakan sumber-sumber Islam yang bersifat terbuka dan mempunyai pandangan yang lebih sederhana dalam mengeluarkan kenyataan mengenai isu Loh ini. Malaysiakini juga dilihat menggunakan sumber Islam yang sederhana seperti ABIM dan Mufti Pulau Pinang yang dilihat memberikan pandangan yang baik menurut kerangka ajaran Islam yang sebenar lebih-lebih lagi berkaitan hubungan ibu dan anak-anak.

Dapat dirumuskan bahawa kedua-dua portal berita cenderung untuk menyokong tindakan Loh dalam membatalkan penukaran agama anak-anaknya, bersimpati terhadap masalah yang dilaluinya dan keputusan-keputusan mahkamah yang menyokong Loh untuk mendapatkan semula anak-anaknya yang berada di pusat jagaan JKM. Namun, melalui dapatan kajian lepas, terbukti bahawa Malaysiakini masih cenderung melaporkan berita secara kritis dengan lebih berani kerana latar belakangnya yang tidak terikat dengan mana-mana parti politik. Malaysiakini bebas memperjuangkan agenda medianya dan sering mencetuskan pemberitaan yang berbeza dan berani untuk menyentuh hal-hal yang bersifat *taboo* supaya dapat mempengaruhi pemikiran pembaca (Muhammad Raqib & Qasem, 2020).

## **Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa akhbar memainkan peranan penting dalam membuat liputan mengenai isu penukaran agama secara unilateral kerana setiap akhbar dan liputannya mempunyai bingkai tersendiri yang ingin disampaikan kepada pembaca. Analisis pbingkai ini secara kesimpulannya membantu pengkaji untuk mengkaji peranan media sebagai pemberi maklumat dan mbingkai sesuatu isu.

Khusus untuk kajian ini, dapat dilihat kedua-dua portal berita mbingkai isu ini dengan memberikan penonjolan dan penekanan yang berbeza semestinya dengan mengikut acuan dan keputusan yang dilakukan oleh editor masing-masing. Dapat disimpulkan kedua-dua portal berita menumpukan kepada bingkai minat manusia terutamanya mengenai Loh dan anak-anaknya. Selain itu, konflik antara Loh, anak-anaknya dan pihak MAIPS serta JKM turut diberikan penekanan oleh kedua-dua portal berita. Namun begitu dalam menggunakan bingkai konflik ini, Malaysiakini

nampaknya lebih berani dalam mengeluarkan dakwaan yang seolah-olah menunjukkan pihak JKM, pihak polis dan MAIPS cuba berhelah/menipu Loh daripada membenarkan beliau berjumpa dengan anak-anaknya. Hal ini boleh mendatangkan impak yang negatif serta stigma yang buruk kepada pihak jabatan agama dan Islam sendiri.

Ketika negara dan dunia cuba mendepani isu Islamofobia, pelaporan sebegini walaupun penting namun dalam pemilihan kata dan perkataan perlu juga dititikberatkan. Mustafa (2010) menyatakan pelaporan mengenai agama terutamanya di negara seperti di Malaysia sangatlah sukar dan kompleks kerana boleh mendatangkan masalah yang lebih besar jika tidak dikendalikan dengan betul. Oleh itu, setiap editor untuk mana-mana media perlu mempunyai tanggungjawab untuk mendamaikan dan bukan menambah lagi konflik yang sedia ada bagi menjaga keharmonian negara. Bukanlah bermakna pelaporan mengenai Islam itu perlu ditapis dengan sewenang-wenangnya, namun pelaporan mengenai Islam dan juga agama-agama lain secara amnya perlu diberikan pertimbangan yang lebih dan sewajarnya supaya konflik tidak semakin membara dalam kalangan masyarakat.

## Rujukan

- Abide by KL High Court decision and undo unilateral conversion of the three kids, YBAM tells Perlis Religious Dept (2022, 18 Februari). *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/18/abide-by-kl-high-court-decision-and-undo-unilateral-conversion-of-the-three-kids-ybam-tells-perlis-religious-dept>
- Abim wants govt to ensure Loh can see children “as often as possible” (2022, Februari 20). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/611393>
- Ali, A. J. M. (2023, 11 Mei). Tiga anak Siew Hong masih Islam – Mahkamah, *BH Online*, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1099845/tiga-anak-siew-hong-masih-islam-mahkamah>
- Anand, R. (2022, 23 Februari). Malaysian Hindu mum reunites with kids but faces another hurdle, *The Straits Times*, <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/malaysian-hindu-mum-reunites-with-kids-but-faces-another-hurdle?close=true>



- Bahtiar, M., Hassan, A., B. & Mohamad Khadafi, H., R. (2004). Imej Islam di Media Cetak: Analisis Kandungan Akhbar Mingguan di Malaysia, *The Malaysian Journal of Language and Communication*. Vol. I (I), 79-98.
- Carvalho, M., Zainal, F., & Tang, A. (2022, 2 Mac). Muslims have responsibility to safeguard rights, interests of minorities, says Nazri. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/03/02/muslims-have-responsibility-to-safeguard-rights-interests-of-minorities-says-nazri>
- Chern, T. L. O. (2022a, 28 Februari). Single mum Loh plans to start food business to secure her kids' future. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/28/single-mum-loh-plans-to-start-food-business-to-secure-her-kids-future>
- Chern, T. L. O. (2022b, 27 Februari). Single mother Loh given help to kick-start business. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/27/single-mother-loh-given-help-to-kick-start-business>
- Court orders media not to expose names, pictures of Loh's children (2022, 17 Mac). *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/03/17/court-orders-media-not-to-expose-names-pictures-of-lohs-children>
- Entman, R. M. (1993). Framing: Toward a clarification of a fractured paradigm. *Journal of Communication*, 43(4), 51–58.
- Father wants children's conversion to be defended, says Perlis mufti (2022, 18 Februari). *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/18/father-wants-childrens-conversion-to-be-defended-says-perlis-mufti>
- Fong, Y. L. & Ishak, M. S. A. (2010). Covering religious conflict in Malaysia: How Sin Chew Daily framed the Lina Joy controversy. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12(2), 11-22.
- Fong, Y. L. & Ishak, M. S. A. (2011). Framing Religious Disputes: A Comparative Analysis of the Lina Joy Controversy Reported by Malaysian Newspapers. *SEARCH: The Journal of the South East Asia Research centre for Communication and Humanities*. Vol. 3, No. 2, 21-37.

- Fong, Y. L. & Ishak, M. S. A. (2015): Framing inter-religious dispute: a comparative analysis of Chinese-, English-, and Malay-language newspapers in Peninsular Malaysia, *Chinese Journal of Communication*, DOI: 10.1080/17544750.2015.1096802
- Fong, Y. L. & Kit, L. W. (2017). Framing the cow-head protest: A comparative analysis of The Star and Malaysiakini. *SEARCH: The Journal of the South East Asia Research Centre for Communication and Humanities*, 9(1), 71-96.
- Halim, R., Ahmad, R., Abdul Rahman, R. & Romli, F. (2018). Hak untuk Memilih Agama Anutan Menurut Perspektif Agama-agama di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3 (13), 206-217.
- Hasrina M., Wan Norshira, W. M. G. & Ramli, M. (2013). Covering racial political issues in Malaysia: The effect of news frames on readers' thoughts. *Media Asia*. 40 (1).
- Hassan, I., Azmi, M. N. L. , & Abdullahi, A. (2020). Investigating the Use of Language in Islam-related News: Evidence from Selected Non-Western Online Newspapers. *Arab World English Journal (AWEJ) Volume, 11*.
- Hassan, I., Azmi, M. N. L., Abubakar, U. I., Nasidi, Q. Y. & Shehu, A. (2021). Influences On Islam-Related News Content: Media Experts Perspectives. *E- Bangi*. Vol. 18. No.4. 92-103.
- “Have a heart” – Wanita MCA tells Welfare Department to reunite mum, kids (2022, 16 Februari). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/610970>
- Hilmy, I. (2022a, 15 Februari). Single mum to three claims welfare officer prevented her from visiting kids. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/15/single-mum-to-three-claims-welfare-officer-prevented-her-from-visiting-kids>
- Hilmy, I. (2022b, 17 Februari). Mum buys chicken rice for her children as she finally gets to meet them. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/17/mum-buys-chicken-rice-for-her-children-as-she-finally-gets-to-meet-them>
- Hilmy, I. (2022c, 18 Februari). One-hour visits not enough to bond with children, says single mother. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/18/one-hour-visitation-not-enough-to-bond-with-children-says-single-mother>

- Hilmy, I. (2022d, 20 Februari). Single mum hopes to bring kids home, files judicial review to challenge unilateral conversion. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/20/single-mum-hopes-to-bring-kids-home-files-judicial-review-to-challenge-unilateral-conversion>
- Kasim, A., Ismail, A., & Wahab, S. A. (2018). Framing strategic news from the perspective of media organizations in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(1), 330-344.
- Kes Loh Siew Hong: Pendakwah saman ahli politik DAP Dr P Ramasamy dan YB Satees Muniandy masing-masing RM5 juta (2022, 18 Ogos). *The Merdeka Times*. <https://themerdekaitimes.com/news/2022/08/kes-loh-siew-hong-pendakwah-saman-ahli-politik-dap-dr-p-ramasamy-dan-yb-satees-muniandy-masing-masing-rm5-juta/>
- Khan, A. S. N., & Al-Samuri, M. A. A. (2021). Unilateral Conversion of Minors to Islam: Legal Discourse and Muslim Converts' Narrative on Custody and Religious Rights in Malaysia. *Kajian Malaysia*, 1-23.
- Kuek, C. Y., & Tay, E. S. (2012). Unilateral Conversions of a Child's Religion and Parental Rights in Malaysia. *SAC LJ*, 24, 92.
- Linstrom, M., & Marais, W. (2012). Qualitative news frame analysis: A methodology. *Communitas*, 17, 21-38.
- Loone, S. (2022a, 16 Februari). Mum demands authorities prove she consented to children's conversion. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/610922>
- Loone, S. (2022b, 17 Februari). Single mum barred from meeting kids again, "higher" permission needed. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/611112>
- Loone, S. (2022c, 18 Februari). Single mum claims kids "brainwashed, blackmailed" to reject her. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/611166>
- Loone, S. (2022d, 2 Mac). Crowdfunding campaign launched to help Loh buy a food truck. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/612736>
- Loone, S. (2022e, 23 Februari). "Holding their hands tight" - Loh fears losing her kids again. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/611755>

- Mohamad, A., Ab Rashid, R., Yunus, K., Rahman, S. B. A., Darus, S., Musa, R., & Teh, K. S. M. (2017). Discourse analysis on newspaper reports of apostasy cases. *Journal for the Study of Religions and Ideologies*, 16(48), 96-111.
- Mohd Azhar, A., H., Rosman M., Y., Muhammed Fauzi, O. & Mohd Koharuddin, B. (2013). Perspektif Orang Cina Terhadap Agama Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal, *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 60, 11–19.
- Muhammad Raqib Mohd Sofian & Adnan Hussein (2014). Analisis kualitatif pembedaan akhbar The Star dan Utusan Malaysia mengenai kontroversi majlis “Thanksgiving” di DUMC. *Malaysian Journal of Communication*, 30 (1), 117-145.
- Muhammad Raqib, M., S., & Qasem, A. (2020). Counter-Hegemonic Discourse on Islam in Malaysia: A Case Study of Malaysiakini’s Coverage Regarding the Issue of Halal Certification by Jakim, *Global Journal Al-Thaqafah*, 10 (2), 19-27.
- Mulyana, D. D. (2002). *Analisis Framing Konstruksi, Ideologi, dan Politik Media*. Lkis Pelangi Aksara.
- Murudi, T., & Ting, S. H. (2019). Framing of the 1MDB financial scandal: A comparative study of the coverage by The Star and Malaysiakini. *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 11(2), 113-126.
- Mustafa, K. A. (2010). Epilogue in E.G. Loo & K.A. Mustafa (Eds). *Journalism In Good Faith: Issues And Practices In Religion Reporting* (pp. 196-201). Shah Alam: Marshall Cavendish (Malaysia) Sdn Bhd.
- Mustaffa, N., Sannusi, S. N., Hasan, A. S. A., Zuwairi, M., & Saad, M. (2017). Journalism and news industry in Malaysia: New media, new challenges. *Journal of Social Sciences and Humanity*, 14(6), 73-80.
- Novarini, S., & Omar, B. (2016). Pembedaan Pilihan Raya Legislatif Aceh 2014: Satu Analisis Kandungan Terhadap Berita Dalam Talian Akhbar Kompas Dan Republika: Framing Aceh Legislative Election 2014: The content analysis toward online news in Akhbar Kompas and Republika. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 18(1), 1-17.
- Pan, Z., & Kosicki, G. M. (1993). Framing analysis: An approach to news discourse. *Political Communication*, 10(1), 55–73.

- Penang Deputy CM being probed over FB post (2022, February 24). *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/24/penang-deputy-cm-being-probed-over-fb-post>
- Perlis Islamic Religious Dept negligent for allowing unilateral conversion, says MCCBCHST (2022, 18 Februari). *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/18/perlis-islamic-religious-dept-negligent-for-allowing-unilateral-conversion-says-mccbchst>
- Ramlan, Y. (2022, 17 Februari). Penang Mufti wants separated children to see parents as often as possible. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/611058>
- Rashid, H. R. A. (2022, 21 Februari). Court allows Loh to reunite with her three children. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/611470>
- Reese, S.D. (2003). Prologue-Framing public life: A bridging model for media research. In Reese, S.D, Gandy Jr, O.H. & Grant, A.U. (Eds), *Framing public life, perspectives on media and our understanding of the social world*. London: Lawrence Erlbaum.
- Respect legal, constitutional rights of single mother after High Court grants custody of kids, says G25 (2022, 21 Februari). *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/21/respect-legal-constitutional-rights-of-single-mother-after-high-court-grants-custody-of-kids-says-g25>
- Reunited: High Court orders immediate release of Loh's kids from Welfare Dept's care (2022, 21 Februari). *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/21/reunited-high-court-orders-immediate-release-of-loh039s-kids-from-welfare-dept039s-care>
- Ruolan, D. (2019). Trends in News Coverage: Content Analysis of Malaysian Newspaper. *International Journal of Heritage, Arts and Multimedia*, 31-40.
- Sahad, M. N., Abdullah, S. A. C., & Abdullah, S. (2013). Malaysian news report on Muslim converts' issues: a study on Malaysiakini. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(13), 219-230.
- Semetko, H. & Valkenburg, P. (2000). Framing European Politics: A Content Analysis of Press and Television News, *Journal of Communication*, 50 (2), 93 – 109, DOI: 10.1111/j.1460-2466.2000.tb02843.x

- Shaari, H., Ngu, T. H., & Raman, V. (2006). Covering race and religion: The Moorthy and Nyonya Tahir cases in four Malaysian newspapers. *Kajian Malaysia*, 14, 185–201.
- Single mum intends to challenge children’s unilateral conversion (2022, 20 Februari). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/611426>
- Sofian, M. R. B. M., & Hussein, A. (2013). Media coverage on religious conflict in Malaysia: A preliminary study on how The Star and Utusan Malaysia framed the attempts to subvert the faith and believe of Muslims in a multiracial thanksgiving dinner at DUMC. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 91, 461-474.
- Sofian, M. R. M., & Hussein, A. (2018). Gerakan Kristianisasi & Peranan Media Di Malaysia: Satu Kajian Kes Terhadap Pelaporan Akhbar Utusan Malaysia Dan The Star. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
- Sofian, M. R. M., Briandana, R., & Azmawati, A. A. (2022). Indira's Legal Battle in Malaysia: A Comparative Study on Malaysian Newspapers Reporting. In J. A. Wahab, H. Mustafa, & N. Ismail (Eds.), *Rethinking Communication and Media Studies in the Disruptive Era*, vol 123. European Proceedings of Social and Behavioural Sciences (pp. 268-277). European Publisher. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2022.01.02.22>
- Sofian, M. R. M., & Azmawati, A. A. (2019). Unilateral Conversion Controversy in Malaysia: A Study on News Coverage by the Star Newspaper. In *International Conference on Psychology and Communication 2018 (ICPC 2018)* (pp. 266-273). Atlantis Press.
- Sofian, M. R. M., & Hussein, A. (2014). Analisis kualitatif peningkatan akhbar The Star dan Utusan Malaysia mengenai kontroversi majlis “Thanksgiving” di DUMC. *Jurnal Komunikasi*, 30(1), 117-145.
- Sofian, M., R., M. (2021). *Wacana Isu-isu Kontroversi Berkaitan Islam: Satu Analisis Akhbar-akhbar Terpilih Di Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Sains Malaysia.
- Tong, G. (2022b, 15 Februari). “I just want to cry”: Single mom barred from seeing kids after reunion. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/610862>
- Tong, G. (2022b, 16 Februari). Joy for mum: Loh allowed to spend one hour with her three kids. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/610995>
- Trisha, N. (2022, 21 Februari). Perlis mufti concerned by Loh’s plans to reverse conversion, says children want to remain Muslims. *The Star Online*.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/21/perlis-mufti-concerned-by-loh039s-plans-to-reverse-conversion-says-children-want-to-remain-muslims>

Trisha, N. (2022b, 3 Mac). Bukit Aman to quiz Ramasamy over alleged provocative statement on conversion of Loh's children. *The Star Online*.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/03/03/bukit-aman-to-quiz-ramasamy-over-alleged-provocative-statement-on-conversion-of-loh039s-children>

Vengadesan, M. (2022, 23 Februari). Top psychiatrist warns of impact on Loh's children. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/611706>

Vreese, C. H. D. (2005). News framing: Theory and typology. *Information design journal+ document design*, 13(1), 51-62.

Weaver, D.H. 2007. Thoughts on Agenda Setting, Framing and Priming. *Journal of Communication* 57:142-147.

Weiss, M. L. (2013). Parsing the power of "New Media" in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia*, 43(4), 591-612.

Xian, L. J. (2022, 23 Februari). Single mum Loh, three kids over the moon as they bond over cooking and travel. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/02/23/single-mum-loh-three-kids-over-the-moon-as-they-bond-over-cooking-and-travel>

Xian, L. J. (2022b, 5 Mac). Loh writes open letter thanking those that helped her reunite with her kids. *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/03/05/loh-writes-open-letter-thanking-those-that-helped-her-reunite-with-her-kids>

Yousef, T. E. B. (2020). *Women and Islam in Malaysia: Narrative and myth in the qualitative analysis of two controversial online news stories between 2014 and 2018*. Doctoral Dissertation, University of Otago.

Zaharom, N. (2019). Digital News Report-Malaysia. Reuters Institute Digital News Report. <http://www.digitalnewsreport.org/survey/2019/malaysia-2019/>

Zin, O. (2022, 22 Februari). Dewan Ulama Pas desak pinda syarat pertukaran agama, *Utusan Malaysia*, [https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/dewan-ulama-pas-desak-pinda-syarat-pertukaran-agama/?fbclid=IwAR1pGkIMeF3Ly0jTlg70-vi51uYX\\_s-5w-ZLayUctsx3UgrN3105dulBNrA](https://www.utusan.com.my/nasional/2022/02/dewan-ulama-pas-desak-pinda-syarat-pertukaran-agama/?fbclid=IwAR1pGkIMeF3Ly0jTlg70-vi51uYX_s-5w-ZLayUctsx3UgrN3105dulBNrA)

## **Biodata**

**Muhammad Raqib Mohd Sofian** ialah Pensyarah Kanan di Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau kini mengajar subjek-subjek kewartawanan dan penerbitan akhbar/majalah.

**Nurul Amalia Mohd Azmi** ialah pelajar tahun akhir di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia (USM). Kini beliau merupakan wartawan kadet di akhbar New Straits Times Malaysia.